

D.R. 13/2008
RANG UNDANG-UNDANG
IDENTIFIKASI ASID DEOKSIRIBONUKLEIK (DNA) 2008

SUSUNAN FASAL

BAHAGIAN 1
PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II
BANK DATA DNA FORENSIK MALAYSIA

3. Penubuhan Bank Data DNA
4. Objektif Bank Data DNA
5. Fungsi Bank Data DNA
6. Kuasa Menteri untuk menetapkan agensi atau badan untuk menjalankan analisa forensik DNA

BAHAGIAN III
KETUA BANK DATA DNA, TIMBALAN KETUA BANK DATA DNA DAN
PEGAWAI BANK DATA DNA

7. Pelantikan Ketua Bank Data DNA, Timbalan Ketua dan pegawai lain
8. Fungsi dan kuasa Ketua Bank Data DNA
9. Pembetulan butir-butir dalam profil dan maklumat DNA
10. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

Fasal

11. Akses kepada profil atau maklumat DNA

BAHAGIAN IV

PENGAMBILAN, PENYIMPANAN, PELUPUSAN SAMPEL INTIM DAN BUKAN INTIM DAN PENGHAPUSAN PROFIL DAN MAKLUMAT DNA

12. Pengambilan sampel intim
13. Pengambilan sampel bukan intim
14. Keengganan memberi sampel
15. Sampel diberikan secara sukarela
16. Sampel DNA banduan
17. Penyimpanan dan pelupusan sampel intim dan bukan intim
18. Penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks orang yang disyaki

BAHAGIAN V

KESALAHAN

19. Kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu sampel
20. Penggunaan atau pemakluman tanpa kebenaran profil atau maklumat DNA
21. Obligasi kerahsiaan
22. Kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu profil atau maklumat DNA

BAHAGIAN VI

AM

23. Kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing
24. Maklumat daripada Bank Data DNA menjadi muktamad

Fasal

25. Perlindungan terhadap tindakan guaman dan prosiding undang-undang
26. Peraturan-peraturan
27. Kecualian dan peralihan

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Bank Data DNA Forensik Malaysia, pengambilan sampel DNA, analisis forensik DNA, penggunaan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

BAHAGIAN I PERMULAAN

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik (DNA) 2008.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“ahli kimia” ertinya mana-mana ahli kimia yang ditempatkan di Jabatan Kimia Malaysia dan termasuk mana-mana pegawai sains yang ditempatkan di Jabatan Kimia Malaysia;

“analisis forensik DNA” ertinya apa-apa analisis yang dijalankan bagi maksud menentukan identiti seseorang itu;

“Bank Data DNA” ertinya Bank Data DNA Forensik Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“ditetapkan” ertinya ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

“DNA” ertinya asid deoksiribonukleik;

“keizinan yang sewajarnya” ertinya—

- (a) berhubung dengan seseorang yang berumur di bawah lapan belas tahun, keizinan secara bertulis ibu atau bapa atau penjaganya;
- (b) berhubung dengan orang yang telah mencapai umur lapan belas tahun, keizinan secara bertulis orang itu; atau
- (c) berhubung dengan orang yang padanya terdapat keadaan perkembangan fikiran atau badan yang terbantut atau tidak sempurna sama ada keadaan itu wujud daripada sebab yang diwarisi atau disebabkan oleh penyakit atau kecederaan dan seseorang yang tidak berupaya untuk memahami jenis dan kesan am sesuatu analisis forensik DNA atau tidak berupaya untuk menunjukkan sama ada dia mengizinkan atau tidak mengizinkan untuk memberikan sampel intim atau sampel bukan intimnya, keizinan secara bertulis ibu atau bapa atau penjaganya;

“kesalahan” ertinya apa-apa perbuatan atau peninggalan yang boleh dihukum oleh mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa;

“Ketua Bank Data DNA” ertinya Ketua Bank Data DNA Forensik Malaysia yang dilantik di bawah seksyen 7;

“Menteri” ertinya Menteri yang dipertanggungjawab dengan tanggungjawab bagi keselamatan dalam negeri;

“orang tahanan” ertinya seseorang yang ditangkap dan ditahan di bawah mana-mana undang-undang yang dibuat menurut Perkara 149 atau 150 Perlembagaan Persekutuan;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat Timbalan Penguasa Polis;

“pegawai perubatan kerajaan” ertinya pengamal perubatan berdaftar dalam perkhidmatan kerajaan dan termasuklah seseorang pengamal perubatan berdaftar di mana-mana hospital pelatih perubatan sesuatu universiti yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*];

“pegawai polis” ertinya mana-mana anggota Polis Diraja Malaysia;

“penagih dadah” ertinya seseorang yang tertakluk kepada apa-apa perintah atau keputusan yang dibuat menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [*Akta 283*];

“profil DNA’ ertinya maklumat genetik yang diperoleh daripada suatu analisis forensik DNA;

“sampel bukan intim” ertinya—

- (a) suatu sampel bulu selain bulu ari-ari;
- (b) suatu sampel yang diambil daripada kuku atau daripada bawah kuku;
- (c) suatu swab yang diambil daripada mana-mana bahagian badan seseorang selain suatu bahagian yang daripadanya suatu swab diambil yang akan menjadi suatu sampel intim; atau
- (d) air liur;

“sampel intim” ertinya—

- (a) suatu sampel darah, air mani atau apa-apa tisu lain, atau bendalir yang diambil daripada badan, air kencing atau bulu ari-ari seseorang; atau
- (b) suatu swab yang diambil daripada mana-mana bahagian genital seseorang (termasuk bulu ari-ari) atau daripada lubang badan seseorang selain mulut.

BAHAGIAN II

BANK DATA DNA FORENSIK MALAYSIA

Penubuhan Bank Data DNA

3. (1) Suatu bank data DNA yang bernama “Bank Data DNA Forensik Malaysia” ditubuhkan.

(2) Bank Data DNA hendaklah berada di bawah pengurusan, kawalan dan seliaan Ketua Bank Data DNA.

- (3) Bank Data DNA hendaklah terdiri daripada indeks yang berikut:
- (a) indeks tempat kejadian jenayah yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada suatu sampel intim atau tidak intim yang dijumpai—
 - (i) pada apa-apa benda atau di mana-mana tempat sesuatu kesalahan dilakukan;
 - (ii) pada atau di dalam tubuh mangsa sesuatu kesalahan;
 - (iii) pada apa-apa benda yang dipakai atau dibawa oleh mangsa sesuatu kesalahan semasa sesuatu kesalahan itu dilakukan; atau
 - (iv) pada atau di dalam tubuh mana-mana orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan;
 - (b) indeks orang yang disyaki yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada suatu sampel intim atau sampel tidak intim yang diambil daripada orang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan suatu kesalahan dan termasuklah orang yang disyaki yang belum dituduh di mana-mana mahkamah bagi apa-apa kesalahan;
 - (c) indeks pesalah yang disabitkan yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada suatu sampel intim atau sampel tidak intim yang diambil daripada orang yang disabitkan dengan apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

- (d) indeks orang tahanan yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada suatu sampel intim atau sampel tidak intim yang diambil daripada orang tahanan;
- (e) indeks penagih dadah yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada suatu sampel intim atau sampel tidak intim yang diambil daripada seorang penagih dadah;
- (f) indeks orang yang hilang yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada suatu sampel intim atau sampel tidak intim yang diambil daripada—
 - (i) tubuh atau bahagian tubuh orang mati yang tidak dapat dikenal pasti;
 - (ii) apa-apa benda yang dipakai atau dibawa oleh orang yang hilang itu; atau
 - (iii) waris kadim orang yang hilang itu sekiranya dikehendaki; dan
- (g) indeks sukarela yang hendaklah mengandungi profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperoleh daripada suatu sampel intim atau sampel tidak intim yang diambil daripada orang yang dengan sukarela mengemukakan sampel intim atau sampel bukan intimnya bagi maksud penyimpanan maklumat DNA di dalam Bank Data DNA dan bagi apa-apa maksud lain yang disebut dalam perenggan 16(2)(a).

Objektif Bank Data DNA

4. (1) Objektif utama Bank Data DNA adalah untuk menyimpan dan menyenggara indeks yang disebut dalam subseksyen 3(3) bagi maksud pengecaman manusia berhubung dengan siasatan forensik.

(2) Sebagai tambahan kepada subseksyen (1), profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang disimpan dan disenggarakan di dalam Bank Data DNA boleh digunakan untuk membantu—

- (a) dalam penemuan atau pengecaman jasad manusia daripada suatu bencana atau bagi maksud kemanusiaan; dan
- (b) dalam pengecaman orang yang masih hidup atau yang telah mati.

Fungsi Bank Data DNA

5. Fungsi Bank Data DNA adalah untuk menyimpan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya daripada mana-mana analisis forensik DNA yang dijalankan oleh Jabatan Kimia Malaysia atau Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia, atau mana-mana agensi atau badan sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Kuasa Menteri untuk menetapkan agensi atau badan untuk menjalankan analisa forensik DNA

6. (1) Kuasa Menteri untuk menetapkan mana-mana agensi atau badan untuk menjalankan analisa forensik DNA di bawah seksyen 5 hendaklah hanya dijalankan sekiranya Jabatan Kimia Malaysia atau Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia tidak dapat menjalankan apa-apa analisa forensik DNA.

(2) Menteri boleh, dalam perintah yang disebut dalam seksyen 5, menyatakan bahawa analisa forensik DNA yang akan dijalankan oleh agensi atau badan yang

ditetapkan hendaklah hanya bagi maksud yang disebut dalam subseksyen 4(2) tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dia boleh kenakan.

BAHAGIAN III

KETUA BANK DATA DNA, TIMBALAN KETUA BANK DATA DNA DAN PEGAWAI BANK DATA DNA

Pelantikan Ketua Bank Data DNA, Timbalan Ketua dan pegawai lain

7. (1) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada pangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis sebagai Ketua Bank Data DNA Forensik Malaysia selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat cara pelantikan itu.

(2) Menteri hendaklah melantik seorang pegawai polis berpangkat tidak rendah daripada pangkat Penolong Kanan Pesuruhjaya Polis sebagai Timbalan Ketua Bank Data DNA sebagaimana yang perlu bagi maksud Akta ini yang hendaklah tertakluk kepada kawalan dan arahan Ketua Bank Data DNA dan boleh menjalankan kuasa dan melaksanakan fungsi Ketua Bank Data DNA di bawah Akta ini.

(3) Menteri hendaklah melantik apa-apa bilangan pegawai Bank Data DNA sebagaimana yang perlu bagi menjalankan maksud Akta ini daripada kalangan anggota pasukan polis, ahli kimia dan pegawai lain daripada atau ditempatkan di Jabatan Kimia Malaysia yang hendaklah tertakluk kepada kawalan, arahan dan penyeliaan Ketua Bank Data DNA.

(4) Ketua Bank Data DNA boleh secara bertulis, tertakluk kepada apa-apa syarat, had atau sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, mewakili segala atau mana-mana kuasa atau fungsinya di bawah Akta ini kepada Timbalan Ketua Bank Data DNA atau kepada pegawai Bank Data DNA.

(5) Suatu perwakilan di bawah subseksyen (4) boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Ketua Bank Data DNA dan tidak menghalang Ketua Bank Data DNA daripada menjalankan kuasa atau melaksanakan fungsi yang diwakilkan di bawah subseksyen itu.

Fungsi dan kuasa Ketua Bank Data DNA

8. (1) Ketua Bank Data DNA hendaklah mempunyai fungsi yang berikut:

- (a) bertanggungjawab bagi penjalanan am, pentadbiran dan pengurusan Bank Data DNA;
- (b) untuk menubuhkan mekanisme untuk memudahkan pengambilan, penyimpanan dan penyebaran data berkaitan dengan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang disimpan di dalam Bank Data DNA;
- (c) untuk memastikan bahawa profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya disimpan dengan selamat dan kekal rahsia;
- (d) untuk menyimpan dan menghapuskan sampel intim dan sampel tidak intim yang diambil bagi maksud analisis forensik DNA mengikut peruntukan Akta ini dan sebagaimana yang ditetapkan;
- (e) untuk bekerjasama dengan agensi penguat kuasa asing mengikut peruntukan Akta ini; dan
- (f) untuk menjalankan apa-apa fungsi lain yang diberikan oleh atau di bawah Akta ini dan melaksanakan apa-apa fungsi lain yang sebagai tambahan, bersampingan atau berbangkit kepada mana-

mana fungsi yang dinyatakan dalam seksyen ini atau yang sejajar dengan objektif Bank Data DNA.

(2) Ketua Bank Data DNA hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu bagi, atau yang berkaitan dengan, atau yang bersampingan dengan, pelaksanaan fungsinya di bawah Akta ini.

Pembetulan butir-butir dalam profil dan maklumat DNA

9. (1) Ketua Bank Data DNA berhak untuk membetulkan butir-butir dalam profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya jika—

(a) berlaku suatu kesilapan taipan; dan

(b) keterangan yang mencukupi dikemukakan untuk memuaskan dia bahawa kemasukan itu adalah tidak betul,

dan dalam membuat pembetulan itu dia hendaklah, jika perlu, mengeluarkan kepada orang yang berhak kepada maklumat yang diperoleh daripada analisis sampel yang diambil daripadanya, butir-butir yang dibetulkan itu.

(2) Kuasa di bawah seksyen ini hendaklah dijalankan oleh Ketua Bank Data DNA secara sendirian.

(3) Apa-apa pembetulan yang dibuat menurut seksyen ini tidak boleh dianggap sebagai suatu perbuatan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu apa-apa profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya yang terkandung dalam Bank Data DNA yang disebut dalam seksyen 22.

Kuasa Menteri untuk memberikan arahan

10. Menteri boleh memberikan kepada Ketua Bank Data DNA arahan yang bersifat am yang selaras dengan peruntukan Akta ini yang berhubung dengan pelaksanaan

fungsi dan penjalanan kuasa Ketua Bank Data DNA dan Ketua Bank Data DNA hendaklah melaksanakan arahan itu.

Akses kepada profil atau maklumat DNA

11. (1) Akses kepada, makluman mengenai atau penggunaan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang disimpan di dalam Bank Data DNA oleh Ketua Bank Data DNA, Timbalan Ketua Bank Data DNA, pegawai Bank Data DNA dan mana-mana ahli kimia hendaklah hanya bagi maksud—

- (a) perbandingan forensik dengan mana-mana profil atau maklumat DNA lain dalam menjalankan penyiasatan bagi apa-apa kesalahan yang dijalankan oleh mana-mana agensi penguatkuasaan;
- (b) mentadbir Bank Data DNA; atau
- (c) menyediakan maklumat kepada orang yang ada kaitan dengan maklumat itu.

(2) Bagi mengelakkan keraguan, akses kepada, makluman mengenai atau penggunaan profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya di bawah subseksyen (1) oleh seseorang ahli kimia hendaklah hanya bagi maksud yang disebut dalam perenggan (a) subseksyen itu.

BAHAGIAN IV

PENGAMBILAN, PENYIMPANAN, PELUPUSAN SAMPEL INTIM DAN BUKAN INTIM DAN PENGHAPUSAN PROFIL DAN MAKLUMAT DNA

Pengambilan sampel intim

12. (1) Tatacara pengambilan suatu sampel intim mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah mengikut peruntukan seksyen ini dan sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Suatu sampel intim—

- (a) seseorang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan sesuatu kesalahan;
- (b) seseorang orang tahanan; atau
- (c) seseorang penagih dadah,

boleh diambil bagi analisis forensik DNA hanya jika—

- (A) seseorang pegawai diberi kuasa membenarkan sampel intim itu diambil; dan
- (B) suatu keizinan yang sewajarnya dalam borang yang ditetapkan diberi oleh orang yang daripadanya suatu sampel intim akan diambil.

(3) Tertakluk kepada suatu keizinan yang sewajarnya diberikan di bawah subperenggan(2)(B), seseorang pegawai diberi kuasa hanya boleh memberikan kebenarannya di bawah subperenggan (2)(A) jika—

- (a) dia mempunyai alasan yang munasabah untuk—
 - (i) mengesyaki bahawa orang yang daripadanya sesuatu sampel intim akan diambil telah melakukan suatu kesalahan; dan
 - (ii) mempercayai bahawa sampel itu berkecenderungan untuk mengesahkan atau membuktikan sebaliknya perlakuan kesalahan oleh orang itu;
- (b) suatu tangkapan telah dibuat atau suatu perintah tahanan telah dibuat terhadap seseorang orang tahanan di bawah mana-mana

undang-undang yang dibuat menurut Perkara 149 atau 150 Perlembagaan Persekutuan; atau

(c) suatu perintah atau keputusan telah dibuat menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)1983 terhadap seseorang penagih dadah.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa—

(a) hendaklah memberikan kebenarannya di bawah subseksyen (3) secara bertulis; atau

(b) jika tidak dapat dilaksanakan bagi mematuhi perenggan (a), boleh memberikan kebenaran itu secara lisan, dalam hal itu dia mestilah mengesahkan kebenaran itu secara bertulis secepat yang dapat dilaksanakan.

(5) Seseorang yang daripadanya suatu sampel intim diambil adalah berhak kepada maklumat yang diperoleh daripada analisis sampel yang diambil daripadanya.

(6) Suatu sampel intim hendaklah hanya diambil oleh seseorang pegawai perubatan kerajaan.

Pengambilan sampel bukan intim

13. (1) Tatacara pengambilan suatu sampel bukan intim mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah mengikut peruntukan seksyen ini dan sebagaimana yang ditetapkan.

(2) Suatu sampel bukan intim—

(a) seseorang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan sesuatu kesalahan;

- (b) seseorang orang tahanan; atau
- (c) seseorang penagih dadah,

hanya boleh diambil jika seseorang pegawai diberi kuasa membenarkan sampel bukan intim itu diambil.

(3) Seseorang pegawai diberi kuasa hanya boleh memberikan kebenarannya di bawah subseksyen (2) jika—

- (a) dia mempunyai alasan yang munasabah untuk—
 - (i) mengesyaki bahawa orang yang daripadanya sesuatu sampel bukan intim akan diambil telah melakukan suatu kesalahan; dan
 - (ii) mempercayai bahawa sampel itu berkecenderungan untuk mengesahkan atau membuktikan sebaliknya perlakuan kesalahan oleh orang itu;
- (b) suatu tangkapan telah dibuat atau suatu perintah tahanan telah dibuat terhadap seseorang orang tahanan di bawah mana-mana undang-undang yang dibuat menurut Perkara 149 atau 150 Perlembagaan Persekutuan; atau
- (c) suatu perintah atau keputusan telah dibuat menurut Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan)1983 terhadap seseorang penagih dadah.

(4) Seseorang pegawai diberi kuasa—

- (a) hendaklah memberikan kebenarannya di bawah subseksyen (2) secara bertulis; atau

- (b) jika tidak dapat dilaksanakan bagi mematuhi perenggan (a), boleh memberikan kebenaran itu secara lisan, dalam hal itu dia mestilah mengesahkan kebenaran itu secara bertulis secepat yang dapat dilaksanakan.

(5) Seseorang yang daripadanya suatu sampel bukan intim diambil adalah berhak kepada maklumat yang diperolehi daripada analisis sampel yang diambil daripadanya.

(6) Suatu sampel bukan intim hendaklah hanya diambil oleh—

- (a) seseorang pegawai perubatan kerajaan; atau
- (b) seseorang pegawai polis atau seseorang ahli kimia.

(7) Seseorang pegawai polis boleh menggunakan segala cara yang perlu bagi maksud mengambil atau membantu dalam pengambilan suatu sampel bukan intim daripada seseorang.

Keengganan memberi sampel

14. Jika seseorang yang daripadanya suatu sampel bukan intim hendaklah diambil di bawah Akta ini—

- (a) enggan untuk memberikan sampel itu;
- (b) enggan untuk membenarkan sampel itu diambil daripadanya; atau
- (c) menghalang pengambilan sampel itu daripadanya,

melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Sampel diberikan secara sukarela

15. (1) Mana-mana orang, selain orang yang sampel intim dan sampel bukan intimnya boleh diambil di bawah seksyen 12 dan 13, boleh secara sukarela memberikan suatu keizinan yang sewajarnya dalam borang yang ditetapkan kepada seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat Timbalan Penguasa Polis bagi pengambilan suatu sampel intim atau sampel bukan intim daripadanya.

(2) Jika suatu keizinan yang sewajarnya diberikan di bawah subseksyen (1), seseorang pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada pangkat Timbalan Penguasa Polis hendaklah, sebelum pengambilan suatu sampel intim atau sampel bukan intim, memberitahu orang yang daripadanya sesuatu sampel itu akan diambil—

- (a) bahawa profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang diperolehi daripada sampel intim atau sampel bukan intim boleh disimpan di dalam Bank Data DNA dan boleh digunakan bagi maksud analisis forensik DNA, siasatan polis dan bagi apa-apa maksud yang disebut dalam seksyen 11;
- (b) bahawa dia boleh membuat suatu permintaan kepada seseorang pegawai polis bagi suatu akses kepada maklumat itu; dan
- (c) bahawa dia boleh pada bila-bila masa menarik balik kebenaran yang diberikan di bawah subseksyen (1).

Sampel DNA banduan

16. Suatu sampel intim atau sampel bukan intim boleh diambil bagi analisis forensik DNA daripada mana-mana orang yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan berkaitan dengan suatu kesalahan yang dia telah disabitkan.

Penyimpanan dan pelupusan sampel intim dan sampel bukan intim

17. (1) Ketua Bank Data DNA hendaklah menyimpan dengan selamat dan terjamin semua sampel intim dan sampel bukan intim yang diambil bagi maksud analisis forensik DNA, bahagian sampel yang difikirkan wajar oleh Ketua Bank Data DNA dan tanpa kelengahan memusnahkan mana-mana bahagian yang tinggal.

(2) Tatacara bagi penyimpanan dan pelupusan suatu sampel intim dan sampel bukan intim hendaklah sebagaimana yang ditetapkan.

Penghapusan profil dan maklumat DNA daripada indeks orang yang disyaki

18. Jika suatu sampel intim atau sampel bukan intim telah diambil mengikut Akta ini daripada seseorang yang semunasabahnya disyaki telah melakukan sesuatu kesalahan dan—

- (a) penyiasatan mendedahkan bahawa dia tidak terlibat dalam perlakuan apa-apa kesalahan;
- (b) pertuduhan terhadapnya berkenaan dengan apa-apa kesalahan ditarik balik;
- (c) dia dilepaskan oleh suatu mahkamah daripada suatu kesalahan yang dia telah dipertuduhkan, ketika perbicaraan atau atas rayuan;
- (d) dia dibebaskan daripada suatu kesalahan yang dia telah dipertuduhkan, ketika perbicaraan atau atas rayuan; atau
- (e) dia tidak dipertuduhkan di mana-mana mahkamah atas apa-apa kesalahan dalam tempoh satu tahun dari tarikh pengambilan sampel daripadanya,

Ketua Bank Data DNA hendaklah, dalam tempoh enam bulan selepas diberitahu oleh Ketua Polis Daerah fakta yang dirujuk dalam perenggan (a), (b), (c), (d) atau (e), menghapuskan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya orang itu daripada Bank Data DNA.

BAHAGIAN V KESALAHAN

Kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu sampel

19. (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika dia mengganggu atau menyebabkan diganggu apa-apa sampel intim atau sampel bukan intim yang diambil bagi maksud Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Mana-mana orang yang bersubahat dalam pelakuan atau yang cuba melakukan kesalahan di bawah seksyen ini adalah bersalah atas kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Penggunaan atau pemakluman tanpa kebenaran profil atau maklumat DNA

20. (1) Tiada seorang pun yang menerima suatu profil DNA untuk dimasukkan ke dalam Bank Data DNA atau yang mempunyai akses kepada maklumat yang terkandung di dalam Bank Data DNA boleh, kecuali mengikut seksyen 11 dan 23,

menggunakan atau memaklumkan profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya untuk digunakan atau dimaklumkan selain bagi maksud Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Obligasi kerahsiaan

21. (1) Ketua Bank Data DNA, Timbalan Ketua Bank DNA dan pegawai Bank Data DNA atau mana-mana orang yang dengan apa-apa sebab, mempunyai dengan apa-apa cara akses kepada apa-apa data, rekod, buku, daftar, surat-menyurat, apa-apa jua dokumen, atau bahan atau maklumat, yang berhubung dengan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya di dalam Bank Data DNA yang dia telah peroleh dalam pelaksanaan fungsinya atau penjalanan kuasanya, tidak boleh memberi, membuka, mendedah, menyiar atau selainnya menzahirkan kepada mana-mana orang, dokumen, bahan atau maklumat itu melainkan sekiranya penzahiran itu dikehendaki atau dibenarkan—

- (a) di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;
- (b) di bawah mana-mana undang-undang bertulis;
- (c) oleh mana-mana mahkamah; atau
- (d) bagi pelaksanaan fungsinya atau menjalankan kuasanya di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu profil atau maklumat DNA

22. (1) Seseorang melakukan suatu kesalahan jika dia mengganggu atau menyebabkan diganggu apa-apa profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya di dalam milikan, jagaan atau kawalan Bank Data DNA.

(2) Bagi maksud seksyen ini, mengganggu apa-apa profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya termasuk yang berikut:

(a) profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya itu diubah atau dipadamkan,

(b) apa-apa profil DNA yang baru atau apa-apa maklumat berhubung dengannya dimasukkan atau ditambahkan kepada profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya itu; atau

(c) apa-apa kejadian berlaku yang mengurangkan keupayaan Ketua Bank Data DNA, Timbalan Ketua Bank Data DNA atau pegawai Bank Data DNA untuk mendapat akses kepada profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya itu.

(3) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(4) Mana-mana orang yang bersubahat dalam pelakuan atau yang cuba melakukan kesalahan di bawah seksyen ini adalah bersalah atas kesalahan itu dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu:

Dengan syarat apa-apa tempoh pemenjaraan yang dikenakan tidak boleh melebihi setengah daripada tempoh maksimum yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

BAHAGIAN VI

AM

Kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing

23. (1) Ketua Bank Data DNA boleh, atas permintaan oleh suatu agensi penguatkuasaan undang-undang asing, membandingkan profil DNA yang diterima daripada agensi penguatkuasaan undang-undang asing itu dengan profil DNA di dalam Bank Data DNA bagi menentukan sama ada profil DNA itu sedia ada terkandung di dalam Bank Data DNA dan memaklumkan apa-apa maklumat yang berkaitan kepada agensi penguatkuasaan undang-undang asing itu.

(2) Ketua Bank Data DNA boleh, atas permintaan suatu agensi penguatkuasaan undang-undang asing semasa penyiasatan bagi sesuatu kesalahan atau sesuatu pendakwaan bagi suatu kesalahan jenayah di negara asing itu, memaklumkan profil DNA yang terkandung di dalam Bank Data DNA kepada agensi penguatkuasaan undang-undang asing itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, “agensi penguatkuasaan undang-undang asing” ertinya agensi penguatkuasaan undang-undang suatu negara asing dan termasuk suatu pertubuhan antarabangsa yang ditubuhkan oleh kerajaan negara itu atau suatu pertubuhan antarabangsa.

Maklumat daripada Bank Data DNA menjadi muktamad

24. Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, apa-apa maklumat daripada Bank Data DNA hendaklah diterima sebagai suatu bukti muktamad bagi identifikasi DNA dalam mana-mana prosiding dalam mana-mana mahkamah.

Perlindungan terhadap tindakan dan prosiding undang-undang

25. Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain boleh diambil atau dibawa, dimulakan atau dibuat dalam mana-mana mahkamah terhadap —

- (a) Menteri;
- (b) Ketua Bank Data DNA;
- (c) Timbalan Ketua Bank Data DNA;
- (d) pegawai Bank Data DNA;
- (e) seseorang pegawai perubatan kerajaan; atau
- (f) seseorang ahli kimia,

berkenaan apa-apa perbuatan, keabaihan, keingkaran atau peninggalan yang dilakukan olehnya dengan suci hati dalam menjalankan kuasa, fungsi dan tanggungjawabnya di bawah Akta ini atas sifat yang sedemikian.

Peraturan-peraturan

26. (1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu atau suai manfaat untuk memberikan kuat kuasa sepenuhnya kepada, atau untuk menjalankan, peruntukan Akta ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk menetapkan tatacara pengambilan dan pelupusan sampel intim dan sampel tidak intim;
- (b) untuk menetapkan apa-apa borang bagi maksud Akta ini;
- (c) untuk mengawal selia pengurusan, pentadbiran dan kawalan Bank Data DNA;

- (d) untuk mengadakan peruntukan bagi apa-apa perkara yang dikehendaki atau dibenarkan untuk ditetapkan di bawah Akta ini atau yang perlu atau suai manfaat untuk ditetapkan.

Kecualian dan peralihan

27. Apa-apa profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya yang sedia ada disimpan dan disenggarakan oleh Jabatan Kimia Malaysia atau Polis Diraja Malaysia sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Akta ini, disifatkan telah disimpan dan disenggarakan di dalam dan menjadi sebahagian daripada Bank Data DNA yang ditubuhkan di bawah Akta ini mengikut indeks yang terpakai.

HURAIAN

BAHAGIAN I

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan Bank Data DNA Forensik, pengambilan sampel DNA, analisis forensik DNA, penggunaan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

2. Bahagian I Akta yang dicadangkan mengandungi perkara permulaan.
3. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh bagi permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 2* mengandungi takrif beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.

BAHAGIAN II

5. Bahagian II Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penubuhan Bank Data DNA Forensik Malaysia, objektif dan fungsinya.
6. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi penubuhan Bank Data DNA Forensik Malaysia yang hendaklah berada di bawah pengurusan, kawalan dan penyeliaan oleh Ketua Bank Data DNA. *Fasal* ini juga menyatakan indeks yang terkandung di dalam Bank Data DNA.
7. *Fasal 4* dan *5* menyatakan objektif dan fungsi Bank Data DNA.
8. *Fasal 6* bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan mana-mana agensi atau badan untuk menjalankan analisis forensik DNA sekiranya Jabatan Kimia Malaysia atau Makmal Forensik Polis Diraja Malaysia tidak dapat menjalankan apa-apa analisis forensik DNA.

BAHAGIAN III

9. Bahagian III Akta yang dicadangkan memperkatakan perkara pentadbiran.
10. *Fasal 7* mengadakan peruntukan bagi pelantikan Ketua Bank Data DNA, Timbalan Ketua Bank Data DNA dan pegawai Bank Data DNA.
11. *Fasal 8* menyatakan fungsi dan kuasa Ketua Bank Data DNA.
12. *Fasal 9* memberi Ketua Bank Data DNA kuasa untuk membetulkan butir-butir dalam profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya jika berlaku kesilapan taipan.
13. *Fasal 10* memberi Menteri kuasa untuk memberikan arahan am kepada Ketua Bank Data DNA.

14. *Fasal 11* mengandungi peruntukan mengenai akses kepada, maklumat mengenai atau penggunaan profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya yang disimpan di dalam Bank Data DNA.

BAHAGIAN IV

15. Bahagian IV Akta yang dicadangkan memperkatakan pengambilan, penyimpanan dan pelupusan sampel intim dan bukan intim dan penghapusan profil dan apa-apa maklumat berhubung dengannya daripada indeks orang yang disyaki.

16. *Fasal 12* menyatakan tatacara pengambilan suatu sampel intim dan kehendak yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu keizinan bagi pengambilannya diberi.

17. *Fasal 13* menyatakan tatacara pengambilan suatu sampel bukan intim dan kehendak yang perlu dipenuhi sebelum sesuatu keizinan bagi pengambilannya diberi.

18. *Fasal 14* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubung dengan keengganan untuk memberikan sampel.

19. *Fasal 15* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan tatacara dalam memberikan sampel intim atau bukan intim secara sukarela dan hak seseorang yang memberikan sampel secara sukarela.

20. *Fasal 16* mengadakan peruntukan berkenaan pengambilan sampel DNA banduan.

21. *Fasal 17* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penyimpanan dan pelupusan suatu sampel intim dan bukan intim yang disimpan dalam Bank Data DNA.

22. *Fasal 18* mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penghapusan profil DNA dan apa-apa maklumat berhubung dengannya daripada indeks orang yang disyaki.

BAHAGIAN V

23. Bahagian V Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan di bawah Akta yang dicadangkan.

24. *Fasal 19* mengadakan peruntukan bagi kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu apa-apa sampel intim atau bukan intim yang diambil bagi maksud Akta yang dicadangkan.

25. *Fasal 20* melarang penggunaan atau pemakluman profil DNA profil atau apa-apa maklumat berhubung dengannya selain bagi maksud Akta yang dicadangkan.

26. *Fasal 21* mengenakan kewajipan kerahsiaan ke atas Ketua, Timbalan Ketua dan pegawai lain Bank Data DNA.

27. *Fasal 22* mengadakan peruntukan bagi kesalahan mengganggu, bersubahat atau cuba mengganggu profil DNA atau apa-apa maklumat berhubung dengannya di dalam milikan, jagaan atau kawalan Bank Data DNA.

BAHAGIAN VI

28. Bahagian VI Akta yang dicadangkan mengandungi peruntukan am.

29. *Fasal 23* memberi Ketua Bank Data DNA Forensik kuasa untuk bekerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing.

30. *Fasal 24* menyatakan bahawa maklumat yang terkandung dalam Bank Data DNA hendaklah menjadi suatu bukti muktamad identifikasi DNA dalam apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah.

31. *Fasal 25* memberikan kekebalan kepada Menteri, Ketua, Timbalan Ketua, pegawai lain Bank Data DNA, seseorang pegawai perubatan kerajaan dan seseorang ahli kimia yang menjalankan apa-apa kuasa, fungsi dan tanggungjawab di bawah Akta yang dicadangkan daripada apa-apa tindakan, guaman atau pendakwaan jika perbuatan itu dilakukan dengan suci hati.

32. *Fasal 26* memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang perlu bagi memberikan kuat kuasa sepenuhnya atau bagi melaksanakan peruntukan Akta yang dicadangkan.

33. *Fasal 27* memperkatakan peruntukan kecualian dan peralihan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang ini.

[PN(U2)2548]